

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18/09/2017

Dr. Mahathir hipokrit, pakar putar belit

UM - 18/9/2017 Pg. 8

KUALA LUMPUR 17 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad layak dilabelkan sebagai hipokrit dan pakar putar belit berikutan tindakan bekas Perdana Menteri itu yang sanggup menghabiskan jutaan ringgit membayar pelobi semata-mata kerana mahu bertemu dengan bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Zambri Mohd. Isa berkata, bukanlah sesuatu yang pelik apabila Dr. Mahathir ketika ini sering memutarbelitkan fakta semata-mata mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sedangkan, katanya, Dr. Mahathir turut berusaha menjalin hubungan dengan Presiden AS ketika beliau mentadbir negara dahulu.

"Tetapi hari ini, apa yang Per-

dana Menteri buat semua salah, tidak betul sedangkan beliau juga melakukannya dulu.

"Beliau kritik pertemuan Najib dengan Presiden AS, Donald Trump tetapi Dr. Mahathir sendiri berhabis jutaan ringgit membayar pelobi untuk bertemu Bush. Beliau bukan hanya hipokrit, malah pakar putar belit juga," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Najib yang meminta Dr. Mahathir jangan bersikap hipokrit kerana Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sendiri telah membelanja jutaan ringgit kepada pelobi semata-mata untuk bertemu Bush semasa pentadbiran-



ZAMBRI MOHD. ISA

nya.

Mengulas lanjut, Zambri memberitahu, tindakan Dr. Mahathir itu dilihat sebagai terdesak selepas segala perancangan beliau mahu menjatuhkan Perdana Menteri sebelum ini tidak berjaya.

"Sebab itu beliau cuba menimbulkan perkara yang tidak

benar, untuk menakutkan-menakutkan orang ramai. Saya berharap rakyat tidak terpengaruh dengan sikap hipokrit serta putar belit Dr. Mahathir ini.

"Beliau seharusnya mencontohi Tun Abdullah Ahmad Badawi yang tidak lagi mencampuri sebarang urusan pentadbiran negara selepas meletak jawatan sebagai Perdana Menteri," jelasnya.